## KATA ADJEKTIF

**Soalan 47** *berdasarkan gambar di bawah.*



**47** Kota A'Famosa itu masih ________ binaannya walaupun sudah berusia ratusan tahun.

**A** lurus **B** tegap
**C** kukuh **D** padat

**48** "Jangan makan dengan ________, nanti tercekik," kata Puan Yumi kepada anak-anaknya.

**A** kuat **B** besar
**C** cepat **D** gelojoh

**49** Harga barang-barang di kedai itu lebih ________ selepas diberi potongan.

**A** mahal
**B** murah
**C** mewah
**D** malang

**50** Laluan yang ________ itu hanya boleh dilalui sebuah kenderaan sahaja.

**A** kecil
**B** pelik
**C** sempit
**D** lapang

**51** Pemain bola sepak yang ________ itu telah dipilih sebagai pemain terbaik.

**A** laju **B** cepat
**C** cekap **D** tangkas

**52** Dino membuang buah jambu yang ________ dan hampir busuk itu ke dalam tong sampah.

**A** lebam **B** kusam
**C** lembam **D** kembang

**Soalan 53** *berdasarkan gambar di bawah.*



**53** Kumpulan muzik itu memainkan alunan lagu yang sangat ________.

**A** jemu
**B** kaku
**C** malu
**D** merdu

**54** Sampan kecil itu ________ dengan buah kelapa muda.

**A** pekat
**B** berat
**C** ketat
**D** sarat




## KATA BANTU

**55** Datuk ________ belum sedar ketika Mira menziarahinya di hospital.

**A** akan **B** telah
**C** sudah **D** masih

**56** Negeri Melaka ________ dijajah oleh Portugis suatu ketika dahulu.

**A** akan **B** pernah
**C** masih **D** sedang

**57** Semua guru ________ berbincang di dalam bilik mesyuarat.

**A** harus **B** dapat
**C** belum **D** sedang

**58** Encik Lim ________ melawat jirannya di Hospital Seberang Jaya.

**A** dapat **B** boleh
**C** harus **D** hendak


© Hypersurf Corporation Sdn. Bhd.

LIVEWORKSHEETS

Soalan 56 *berdasarkan gambar di bawah.*



59 Semua bangku di taman __________ digantikan dengan yang baharu tidak lama lagi.

A akan B sudah
C masih D sedang

60 Pasukan hoki sekolah __________ menjadi johan dalam perlawanan yang berlangsung semalam.

A akan
B telah
C mesti
D harus




SISTEM BAHASA OBJEKTIF

## KATA HUBUNG

61 Seorang anggota polis trafik mengawal lalu lintas __________ meniup wisel.
KBAT
A sambil
B supaya
C kecuali
D walaupun

Soalan 62 *berdasarkan gambar di bawah.*



62 Cikgu Rahim menasihati murid-murid __________ menjaga kebersihan kelas.

A tetapi B kerana
C supaya D apabila

63 Kita tidak boleh memasuki stadium itu __________ tidak membayar tiket untuk menonton konsert.
KBAT
A selepas B selagi
C sejak D sementara

64 Rajesh terpijak kulit pisang __________ jatuh tergelincir.

A lalu
B tetapi
C selagi
D sambil

65 Encik Loo sedang berbual-bual dengan rakan sekerjanya __________ menanti kedatangan pengurusnya.
KBAT
A jika
B kerana
C manakala
D sementara

66 Chin Ying mendapat 95 markah dalam ujian itu __________ dia masih tidak berpuas hati.
KBAT
A kalau
B tetapi
C kerana
D malahan

67 Puan Siti selalu bersedih __________ suaminya lumpuh akibat kemalangan.
KBAT
A sejak
B ketika
C walaupun
D sementara

68 Perlawanan bola sepak pada hari itu ditangguhkan __________ keadaan jerebu yang teruk.
KBAT
A kerana
B hingga
C setelah
D walaupun






LIVEWORKSHEETS CamScanner

## KATA SENDI NAMA

**Soalan 69** *berdasarkan gambar di bawah.*



69 Kerusi rehat yang cantik itu diperbuat ________ rotan yang bermutu tinggi.
- A dari
- B tentang
- C dengan
- D daripada

70 Jarak ________ rumah Sin Nee ke pekan Bahau ialah sejauh 2 kilometer.
- A ke
- B di
- C dari
- D oleh

71 Francis gemar berbasikal ________ waktu petang untuk bersiar-siar di sekitar taman perumahannya. (KBAT)
- A pada
- B kepada
- C dengan
- D terhadap

72 Kita hendaklah mempunyai rasa belas ________ haiwan. (KBAT)
- A oleh
- B dalam
- C hingga
- D terhadap

73 Bapa telah memberi sebentuk cincin berlian ________ ibu sempena ulang tahun perkahwinan yang ke-14. (KBAT)
- A ke
- B pada
- C demi
- D kepada

74 Tok Wan selalu bercerita ________ pengalaman silamnya kepada Ali. (KBAT)
- A oleh
- B pada
- C kepada
- D tentang

75 Setibanya Liew ________ Sungai Siput, dia telah dipelawa ________ Fuad untuk bertandang ke rumahnya.
- A di … oleh
- B ke … oleh
- C di … daripada
- D pada … dengan

76 "________ ketua kelas, kamu perlu menunjukkan teladan yang baik," kata Cikgu Lee kepada Rajan.
- A Pada
- B Untuk
- C Sebagai
- D Daripada




## KATA BILANGAN

77 ________ ahli keluarga Jamil akan pulang ke kampung untuk menyambut Hari Raya. (KBAT)
- A Segala
- B Seluruh
- C Setengah
- D Sepertiga

78 Pihak polis telah merampas ________ beras seludup dari negara jiran. (KBAT)
- A berbiji-biji
- B berguni-guni
- C berkotak-kotak
- D berbakul-bakul

79 ________ peserta pertandingan syarahan menunggu giliran mereka dengan sabar. (KBAT)
- A Para
- B Kelima
- C Segala
- D Seluruh

80 Murid-murid diminta beratur mengikut kelas ________. (KBAT)
- A setiap
- B tiap-tiap
- C berbaris-baris
- D masing-masing


© Hypersurf Corporation Sdn. Bhd.
LIVEWORKSHEETS

81 Penternak ayam itu berasa sangat sedih kerana __________ daripada ayamnya telah mati diserang penyakit.
- **A** segala
- **B** separuh
- **C** sekalian
- **D** segelintir

82 Kaunter pejabat itu ditutup pada waktu rehat dan __________ pertanyaan akan dilayan kemudian.
- **A** segala
- **B** sejumlah
- **C** beberapa
- **D** setengah

Saya hebat? Usaha lagi

/6



## KATA GANDA PENUH DAN KATA GANDA SEPARA

83 Razman __________ terkejut apabila melihat cahaya aneh yang muncul di langit pada malam itu.
- **A** hari-hari
- **B** pura-pura
- **C** sedar-sedar
- **D** benar-benar

84 Suzila tidak __________ menerima ucapan tahniah atas kejayaannya dalam peperiksaan itu.
- **A** hati-hati
- **B** mula-mula
- **C** habis-habis
- **D** putus-putus

85 __________ saya berasa pedih setelah makan buah nanas yang masam itu.
- **A** Jejari
- **B** Sesiku
- **C** Lelangit
- **D** Jejentik

**Soalan 86** *berdasarkan gambar di bawah.*



86 __________ mempunyai cangkerang untuk melindungi diri daripada musuh.
- **A** Kekura
- **B** Tetikus
- **C** Kekuda
- **D** Lelabah

87 Tulislah __________ supaya karangan kamu mudah dibaca.
- **A** elok-elok
- **B** ringan-ringan
- **C** masak-masak
- **D** mudah-mudah

88 Ahmad Noh membuang plastik yang tersangkut pada __________ basikalnya.
- **A** jejari
- **B** kekisi
- **C** kekuda
- **D** lelangit

89 Bunyi muzik yang terlalu kuat itu amat menyakitkan __________ telinga saya.
- **A** jejari
- **B** bebola
- **C** kekunci
- **D** gegendang

**Soalan 90** *berdasarkan gambar di bawah.*



90 Jurutera itu menggunakan __________ untuk melukis sudut 90 darjah.
- **A** jejari
- **B** sesiku
- **C** lelangit
- **D** jejambat

Saya hebat? Usaha lagi

/8



LIVEWORKSHEETS CamScanner

## KATA GANDA BERENTAK DAN KATA GANDA BERIMBUHAN

91 Surat khabar lama itu __________ kerana dicakar oleh seekor kucing liar.

KBAT
- A haru-biru
- B calar-balar
- C robak-rabik
- D kusut-masai

**Soalan 92** *berdasarkan gambar di bawah.*



92 Basikal tua kepunyaan nenek berbunyi __________ apabila dikayuh.
- A kucar-kacir
- B kerak-keruk
- C kerap-kerup
- D keriang-keriut

**Soalan 93** *berdasarkan gambar di bawah.*



93 Penduduk Kampung Beringin sentiasa bekerjasama dan __________.
- A pilih-memilih
- B usik-mengusik
- C tolong-menolong
- D potong-memotong

94 Alison berasa cemas apabila mendapati sesuatu __________ di balik langsir.

KBAT
- A berayun-ayun
- B bergerak-gerak
- C bergoyang-goyang
- D bertambah-tambah

95 Ahli arkeologi itu menemui __________ yang berusia beribu-ribu tahun.

KBAT
- A tali-temali
- B jari-jemari
- C turun-temurun
- D tulang-temulang

96 Puan Lee __________ dari rumahnya ke tempat kerja sejauh 25 kilometer pada setiap hari.
- A ulang-alik
- B huru-hara
- C mundar-mandir
- D umbang-ambing

**Soalan 97** *berdasarkan gambar di bawah.*



97 Dalam perbincangan ini, murid-murid berpeluang untuk __________ pendapat.

KBAT
- A berturut-turut
- B bertukar-tukar
- C berlumba-lumba
- D berduyun-duyun

98 Bunyi __________ tin minuman kosong yang terjatuh ke lantai telah membuat adik terkejut.
- A riuh-rendah
- B degap-degup
- C dentam-dentum
- D kelentang-kelentung





© Hypersurf Corporation Sdn. Bhd.

LIVEWORKSHEETS

99 Hui Ling melanggani majalah *Wanita* secara ________.
A sebulan
B bulanan
C berbulan
D membulan

**Soalan 100** *berdasarkan gambar di bawah.*



100 Wang itu akan saya ________ kepada anak-anak yatim.
A diderma
B dermakan
C penderma
D menderma

**Soalan 101** *berdasarkan gambar di bawah.*




101 Ariana pergi ke perpustakaan untuk ________ senaskhah buku cerita.
A dipinjam
B pinjaman
C peminjam
D meminjam

102 Seorang ________ motosikal cedera dalam kemalangan di simpang jalan itu.
A ditunggang
B tunggangan
C penunggang
D menunggang

**Soalan 103** *berdasarkan gambar di bawah.*



103 Pelumba itu berlari sepenuh tenaga hingga ke ________ penamat.
A segaris
B garisan
C gariskan
D bergaris

104 Ibu membuang air yang ________ di dalam pasu itu bagi mengelakkan pembiakan nyamuk.
A takungan
B penakung
C bertakung
D menakung

105 Cikgu Hasrin ________ kepetahan Arvind ketika menyampaikan hujah dalam syarahan itu.
A dipuji
B pujian
C terpuji
D memuji

106 Walaupun kalah dalam pertandingan itu, Joseph tidak pernah ________ putus asa.
A dirasa
B terasa
C perasa
D berasa




SISTEM BAHASA



LIVEWORKSHEETS